



**PERBADANAN STADIUM
DARUL MAKMUR**

KOD ETIKA PERNIAGAAN

PERBADANAN STADIUM DARUL MAKMUR

KOD ETIKA PERNIAGAAN

Kod Etika Perbadanan Stadium Darul Makmur ini dibuat sebagai panduan rasmi untuk memastikan semua urusan dijalankan dengan penuh integriti, ketelusan, dan tanggungjawab. Kami beriltizam untuk menjadi rakan strategik yang beretika, adil, dan profesional dalam setiap kerjasama. Harapan kami agar semua rakanniaga turut mengamalkan prinsip yang sama, demi membina hubungan perniagaan yang saling menghormati, berdaya saing, dan memberi manfaat kepada penyewa/pembekal secara keseluruhannya.

1. INTEGRITI DAN KETELUSAN

Semua urusan perniagaan mesti dijalankan dengan jujur, tanpa sebarang bentuk rasuah atau salah guna kuasa. Keputusan dibuat berdasarkan fakta, merit, dan kepentingan awam dan bukannya kepentingan peribadi

2. ANTIRASUAH

Pemberian atau penerimaan suapan, hadiah, atau faedah yang boleh mempengaruhi keputusan rasmi adalah dilarang sama sekali selaras dengan dasar integriti governans dan antirasuah dan polisi hadiah Perbadanan Stadium Darul Makmur.

3. AKAUNTABILITI & TANGGUNGJAWAB

Semua rakan niaga hendaklah mengamalkan persaingan yang sihat dan telus dalam urusan niaga perolehan seperti melaporkan secara jujur dan tepat semua maklumat perniagaan serta tiada pakatan atau persetujuan dengan mana-mana rakan niaga yang lain bertujuan mengurangkan saingan dalam perolehan.

KOD ETIKA PERNIAGAAN

4. KEADILAN & KESAKSAMAAN

Tiada diskriminasi atau layanan istimewa kepada mana-mana pihak dalam proses perolehan, tender atau kerjasama. Semua pihak diberi peluang yang sama berdasarkan kelayakan dan keupayaan yang ditetapkan

5. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Peraturan dan polisi Perbadanan Stadium Darul Makmur berkuat kuasa semasa hendaklah dipatuhi dan diterima pakai oleh semua yang mengurus niaga dengan Perbadanan Stadium Darul Makmur. Rakan niaga juga hendaklah mematuhi terma dan syarat yang dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani.

6. KONFLIK KEPENTINGAN

Semua warga Perbadanan Stadium Darul Makmur dan rakan niaga yang mempunyai percanggahan kepentingan dalam sesuatu urusan niaga hendaklah seberapa segera memaklumkan kepada pihak pengurusan Perbadanan Stadium Darul Makmur sama ada sebelum atau selepas sesuatu pelantikan atau pemilihan. Percanggahan kepentingan ini perlu direkodkan secara bertulis.

7. KERAHSIAAN & KESELAMATAN MAKLUMAT

Maklumat rasmi kerajaan mesti dilindungi daripada kebocoran atau penyalahgunaan. Penggunaan data untuk kepentingan peribadi atau pihak ketiga tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

KOD ETIKA PERNIAGAAN

8. PEMBAYARAN PEMUDAH CARA (FACILITATION PAYMENT)

Pembayaran pemudah cara adalah pembayaran yang tidak sah atau tidak rasmi dibuat sebagai balasan untuk perkhidmatan yang berhak diterima oleh pembayar secara sah tanpa membuat pembayaran tersebut. Semua warga Perbadanan Stadium Darul Makmur tidak boleh menawarkan, berjanji, memberi, meminta atau menerima apa-apa yang boleh dianggap sebagai bayaran pemudah cara dalam apa jua bentuk. Rakan niaga boleh melaporkan kepada Unit Pentadbiran (Pegawai Integriti) sekiranya terdapat permohonan pembayaran pemudah cara daripada mana-mana kakitangan Perbadanan Stadium Darul Makmur.

RUJUKAN



09-5142637



www.psdm.gov.my



psdm.gov.my